

13 MAR 2003

MCMC-PERAYAUAN/I

PELAKSANAAN PERAYAUAN DOMESTIK BERJALAN LANCAR, KATA MCMC

CYBERJAYA, 13 Mac (Bernama) -- Pelaksanaan perayauan domestik oleh pengendali mudah alih berjalan lancar dengan 25 tempat disediakan untuk liputan tambahan, kata pengerusi Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia Tan Sri Nuraizah Abdul Hamid hari ini.

Beliau berkata suruhanjaya itu kini menilai perkhidmatan yang diberikan oleh pengendali di kawasan-kawasan berkenaan yang berdasarkan kepada garis panduan lokasi yang ditetapkan oleh MCMC seperti lebuh raya dengan laluan yang panjang, resort dan pulau.

Nuraizah berkata meskipun perkhidmatan perayauan domestik dilaksanakan atas dasar komersial di kalangan penyedia perkhidmatan, MCMC akan memantau perkembangannya memandangkan ia merupakan arahan daripada Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia.

Bagaimanapun beliau berkata MCMC tidak terlibat dalam semua penyusunan dengan pengendali berkenaan.

Beliau berkata demikian kepada pemberita apabila ditanya mengenai perkembangan terkini perayauan domestik ekoran komen Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad awal bulan lepas bahawa liputan perkhidmatan selular di dalam negara masih tidak memuaskan.

Nuraizah ditemui selepas majlis pecah tanah ibu pejabat baru MCMC di sini hari ini, yang dirasmikan oleh Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia Datuk Amar Leo Moggie.

Semasa ditanya sama ada MCMC telah menetapkan sasaran tertentu bagi pengendali mendapatkan liputan rangkaian yang lebih luas, Nuraizah berkata meskipun ada sasaran, para pengendali mempunyai cara lain untuk meningkatkan penembusan rangkaian mereka.

Beliau berkata MCMC juga mengadakan perbincangan yang berterusan dengan mereka yang terlibat dalam industri supaya menyediakan perkhidmatan yang lebih baik bagi pelanggan mereka. -- BERNAMA

NM SD NHD